

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

11. Adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil langkah proaktif contohnya turun padang dalam mengenal pasti golongan sasaran penerima bantuan atau menunggu pihak berkaitan memohon bantuan?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa meletakkan keutamaan yang tinggi terhadap kebajikan golongan-golongan sasaran dan sentiasa bertindak proaktif dalam mengenal pasti penerima-penerima bantuan kebajikan yang layak tanpa sebarang diskriminasi. Komitmen dan langkah proaktif ini dibuktikan melalui pelaksanaan pelbagai program yang bertujuan untuk memastikan penyampaian maklumat dan perkhidmatan JKM yang lebih berkesan kepada masyarakat. Antara program yang dijalankan termasuklah:-
- (i) Program JKM@Masjid (setiap Jumaat di semua daerah);
  - (ii) Program JKM@Rumah Ibadat (setiap Sabtu di semua daerah);
  - (iii) Program Kawan iaitu pembukaan kaunter Hentian Setempat Perkhidmatan secara mudah alih di kawasan-kawasan kampung semua daerah;
  - (iv) Program Turun Padang bersama wakil-wakil rakyat kawasan yang terlibat;
  - (v) Program Pengesanan Klien Miskin dengan kerjasama Yang Berhormat ADUN, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), dan Penghulu-penghulu kawasan; dan

- (vi) Pembukaan kaunter-kaunter informasi JKM melalui penyertaan dalam program agensi-agensi lain.

Selain itu, pihak JKM turut bekerjasama dengan ADUN, MPKK, dan sebagainya, untuk mengesan dan membantu pihak golongan sasar yang layak.